

World #QuranHour: Surah Al-Insan jadi panduan modal insan sejagat

Penghayatan mesej surah menjadi benteng bagi mengelakkan perbuatan dilarang agama

Oleh FOUZIAH AMIR
IPOH

Surah Al-Insan menjadi surah pilihan bagi World #QuranHour 1444H dengan membawa tema 'Mem manusiakan Manusia'. Ini berketepatan realiti hari ini yang menunjukkan semakin ramai bilangan manusia namun semakin kontang sifat kemanusiaan.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim yang ditemui di pejabatnya di sini berkata, surah ke 76 dalam al-Quran mengajak kita untuk meneroka sebelum kejadian kita, kemudian dilahirkan ke du-



Jabatan Mufti Negeri Perak mengambil inisiatif untuk menganjurkan World #QuranHour dengan kerjasama semua agensi agama Islam di lokasi utama SUK negeri Perak pada 22 Ramadan 1444H bersamaan 13 April 2023.

nia dan diuji untuk kenal siapa kita sebenar.

"Ayat 1 menyatakan dahulu kita tidak

bernama, sehingga dilahirkan dan selepas tujuh hari baru dinamakan. Maka kita bawa nama tersebut di dunia sehinggalah menghembuskan nafas terakhir. Apabila mati, nama ditulis atas batu nisan agar tidak dilupakan."

"Itu proses untuk mengembalikan manusia mengenal diri sebagai manusia. Contoh sifat kemanusiaan semakin kering dalam kalangan anak murid di sekolah ialah mereka yang tidak menghormati guru, kurang beradab dan tidak berbahasa dengan baik."

"Untuk mengembalikan kemanusiaan kepada manusia atau disebut modal insan, itu adalah satu proses yang besar. Dalam surah tersebut dinyatakan ciri-ciri golongan abrar dan golongan kufur untuk kita buat pilihan," katanya.

Ditanya mengenai panduan al-Quran sebagai solusi kepada keadaan ekonomi tidak menentu hari ini, Zamri berkongsi kisah kaum Nabi Hud yang merintih akibat masalah ekonomi. Ayat 52 dalam Surah Hud menyatakan Nabi Hud AS meryeru kaumnya untuk beristighfar dan berbaubat, pasti ALLAH turunkan hujan lebat dan Dia akan menambahkan kekuatan atas kekuatan yang ada.

"Ayat 8 dalam Surah Al-Insan, ALLAH SWT memuji golongan yang terbukti berjaya melepassi ujian ALLAH sehingga diberi gelaran al-abrar. Mereka membantu dan memberi makan kepada orang disayangi, miskin, anak yatim dan orang yang ditawan."

"Surah Al-Insan mengajar kita untuk ikhlas kerana sifat tersebut adalah intipati seorang hamba ALLAH. Mereka memberi makan semata-mata mencari keredaan ALLAH, tidak memerlukan balasan mahupun ucapan terima kasih."

"Perbuatan mereka didorong berbuat begitu kerana takutkan ALLAH pada hari di mana orang bersalah, maka mereka masam. Jika Surah Al-Insan dijadikan

panduan untuk menjadi orang ikhlas, maka tiada masalah minyak disorok, pengusaha manipulasi harga, kartel daging dan sebagainya dalam masyarakat hari ini," ujarnya.

Menurut beliau, Jabatan Mufti Negeri Perak mengambil inisiatif untuk menganjurkan World #QuranHour dengan kerjasama agensi pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak, semua agensi agama Islam, Rumah Ngaji di Perak dan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) di lokasi utama SUK Negeri Perak pada 22 Ramadan 1444H bersamaan 13 April 2023.

"Pihak jabatan mufti sentiasa memberi sokongan atas usaha baik dalam mendekatkan manusia kepada sumber kekuatan umat Islam iaitu al-Quran. Tahun ini, kami memilih rakan strategi, SUK Negeri Perak yang menjadi tempat berkumpul kebanyakan kakitangan awam sebagai lokasi utama penganjuran World #QuranHour."

"Kita berharap mesej Surah Al-Insan ini dapat dihayati untuk mengenal diri dalam masyarakat khususnya golongan penjawat awam. Peluang untuk rasuh, pecah amanah dan culas dalam kerja itu boleh berlaku di manapun."

"Semoga surah tersebut menjadi benteng daripada perbuatan zalim apabila difahami oleh penjawat awam. Saya juga mengalaukan semuajabatan boleh mengadakan World #QuranHour di lokasi masing-masing," katanya.

Katanya lagi, program berinteraksi dengan al-Quran melalui baca, faham dan amal ini sebagai pendedahan kepada masyarakat untuk memahami al-Quran melalui tadabbur. Mungkin ada orang beranggapan bahawa membaca al-Quran sebagai kemuncak beramal.


"Sebenarnya al-Quran perlu diamalkan dari segi konten. Itulah yang paling penting. Bagi saya, inilah cabaran al-Quran. Ia bukan keraian tapi lebih mendasar kepada kehidupan. Kita buat setakat yang kita mampu."

"Orang ramai diharapkan untuk melihat World #QuranHour sebagai platform menjentik rasa untuk mendekati dan memahami al-Quran. Seterusnya mereka dapat mempertingkatkan kualiti bacaan dan kefahaman al-Quran," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai World #QuranHour, sila layari laman Facebook World Quran Hour.



AL-QURAN
MUSLIMAH
Istimewa Untuk Wanita



- ✓ 319 tafsir bertema untuk wanita
- ✓ Panduan tajwid berwarna
- ✓ Panduan waqafdan ibtidai'

Tafsir 4 kategori utama dalam al-Quran: hukum, ibrah, tokoh wanita serta akidah danakhlik

Ringan dan mudah dibawa

Bersaiz A5

Sila imbas untuk pembelian!

Dapatkan secara online melalui www.karangkrafmall.com dan WhatsApp 019-2297227 atau hubungi kami di talian 03-51017480

Juga di kedai buku berikut:

Karangkraf Mall - Kompleks Kumpulan Karangkraf, Lot 1, Jalan Renggan 15/5, Off Pasaraya Setapak, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Karangkraf Mall | Karya Bestari Sdn Bhd | @karya.bestari | @KaryaBestari | @karyabestari